

06 NOV 2002

Asean-Pembaharuan/I

ASEAN MULAKAN USAHA KE ARAH PEMBAHARUAN SERANTAU

Oleh: Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 6 Nov (Bernama) -- Sidang Kemuncak Asean Ke-8 yang baru berakhir membuka lembaran baru bagi perkumpulan itu apabila 10 anggotanya bergabung kekuatan bagi memulakan pembaharuan ekonomi dan pada masa yang sama berikrar untuk menangani aktiviti keganasan di rantau itu.

Selepas berada dalam keadaan tidak menentu ekoran krisis kewangan Asean pada 1997, Asean telah membuktikan daya tahannya berikutan ia sekali lagi muncul sebagai rantau dengan potensi kukuh sehingga banyak negara berminat mengadakan usahasama.

Kemusnahan bukan sebahagian hasrat Asean apabila pemimpin-pemimpin telah mengadakan beberapa sidang kemuncak untuk menjalin kerjasama dan integrasi lebih rapat yang akan menjadikan Asia Tenggara sebagai sebuah pasaran menarik.

Usaha keras Asean nyata berhasil apabila kuasa-kuasa ekonomi seperti China dan Jepun, ekonomi kedua terbesar di dunia, menandatangani perjanjian dengan perkumpulan itu di Phnom Penh yang membawa kepada kemungkinan pembentukan Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas (FTA) Asean-China dan Asean-Jepun.

FTA dengan China menjelang tahun 2010 akan menjadi blok ekonomi terbesar di dunia dengan kira-kira 1.7 bilion pengguna.

Dalam kenyataan selepas sidang kemuncak itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kini Asean sudah semakin pulih dan hubungan ekonominya dengan tiga rakan dialog iaitu China, Jepun dan Korea Selatan akan menjadi satu daripada rakan kongsi kolektif yang paling penting bagi ekonomi global.

"Saya fikir mulai sekarang Asean akan memainkan peranan lebih penting dalam ekonomi dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata beberapa pihak lain dari Afrika hingga Amerika Utara dan India telah menyatakan hasrat untuk menjalin usahasama ekonomi dengan Asean.

Asean ditubuhkan pada 1967 terdiri Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Pemimpin-pemimpin Asean juga akan menangani kebimbangan mengenai keganasan yang melanda rantau itu ekoran letupan bom pada bulan lepas di pulau peranginan Bali di Indonesia yang disyaki dilakukan oleh pengganas.

Mereka nyata bimbang dengan gambaran negatif Asia Tenggara sebagai tempat yang tidak selamat ekoran kejadian 12 Okt itu yang telah membunuh hampir 200 orang.

Bagi melenyapkan kebimbangan berkenaan, mereka telah mengeluarkan deklarasi mengutuk serangan di Bali itu dan juga di Filipina, dan berazam untuk meningkatkan usaha untuk menghapuskan aktiviti pengganas di rantau itu.

Dan sebagai tanda persepaduan dengan Indonesia, ia mengumumkan bahawa sidang kemuncak tahun depan akan diadakan di Bali.

Sedar dengan akibatnya ke atas industri pelancongan yang bernilai berbilion dollar Amerika itu, pemimpin-pemimpin Asean menyelar kerajaan-kerajaan asing kerana mengeluarkan amaran perjalanan menasihatkan rakyat mereka untuk mengelakkan Asia Tenggara tanpa bukti kukuh akan kemungkinan berlakunya serangan pengganas.

Dalam satu daripada campurtangan beliau di perhimpunan peringkat tinggi, Dr Mahathir mengulangi bahawa keganasan tidak dapat diatas dengan cara ketenteraan sahaja tanpa memahami dan menangani puncanya.

Satu lagi pencapaian besar pada Sidang Kemuncak Phnom Penh ialah penyertaan China dalam Deklarasi Tatacara Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan yang bertujuan meredakan ketegangan berhubung tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratly.

Para pemerhati berkata walaupun ia bukannya dokumen yang diliputi kuasa undang-undang, ia merupakan keyakinan yang amat diperlukan sebagai dorongan terhadap keselamatan serantau berhubung tuntutan ke atas pulau yang kaya dengan minyak dan galian itu yang terletak di laluan kapal paling sibuk di dunia.

Dengan berakhirnya sidang kemuncak itu, kehidupan di ibu negara Kemboja itu kembali kepada keadaan biasa dengan sekolah dan perniagaan pada umumnya dibuka semula selepas lama bercuti manakala polis mula mengalihkan pusat keselamatan sementara dan sekatan berhampiran tempat sidang kemuncak itu berlangsung, Hotel Inter-Continental.

Pertama kali menganjurkan sidang kemuncak Asean turut memberikan banyak pengalaman kepada Kemboja, anggota termuda Asean, yang menyertai perkumpulan itu pada 1999, dengan wujud pelbagai masalah komunikasi dan keselamatan.

Namun, ia merupakan satu kejayaan kepada diplomasi Khmer terutamanya penganjuran Sidang Kemuncak Asean-India buat pertama kalinya di Phnom Penh yang telah diilhamkan oleh Kemboja.

-- BERNAMA
MAM AHH RHM